

Headline **Seorang daripada empat pelacur di Bali hidap HIV**
Date **15 Nov 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Dunia**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **48**
Article Size **102 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **887**
PRValue **2,661**



Seorang daripada empat pelacur di Bali hidap HIV

JAKARTA - Jumlah bilangan kes pesakit HIV/AIDS yang dilaporkan di Pulau Bali meningkat apabila seorang daripada empat pelacur di pulau itu menghidap HIV positif, kata seorang pegawai semalam.

Satu laporan baru daripada Suruhanjaya AIDS Kebangsaan menyatakan bilangan jangkitan HIV telah meningkat hampir 19 peratus kepada 3,778 orang tahun ini dengan tambahan 597 kes.

Bilangan tersebut telah meningkat berbanding 1,253 kes pada tahun 2006 dan 590 pada tahun 2004.

"Kami menganggarkan jumlah

kes adalah sekitar 7,000 kerana banyak kes yang tidak dilaporkan," kata jurucakap suruhanjaya itu, Nyoman Mangku Karmaya.

Menurutnya, ramai orang enggan melakukan pemeriksaan perubatan kerana terdapat diskriminasi terhadap penduduk yang menghidap HIV/AIDS.

Karmaya menyatakan, kira-kira 25 peratus daripada 8.800 pekerja seks dijangkiti HIV pada tahun ini, meningkat 23 peratus pada tahun lalu.

Menurutnya, virus itu disebarkan daripada pelanggan yang enggan memakai kondom.
- AFP